

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2000/2001

April 2001

**AAW 322 - Perakaunan Kewangan Lanjutan II**

Masa : 3 jam

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan.

...2/-

Soalan 1 (25 markah)

Matahari Bhd. mempunyai dua subsidiari, Laut Bhd. dan Gunung Bhd. Akaun untuk tiga syarikat bagi tahun berakhir 30 Jun 2000 adalah seperti berikut:

Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2000

	Matahari Bhd. RM'000	Laut Bhd. RM'000	Gunung Bhd. RM'000
Modal saham RM1 setiap satu	2,000	400	600
Keuntungan tertahan	3,300	1,500	1,600
Akaun tergantung (jualan saham)	<u>3,000</u>	<u>0</u>	<u>0</u>
	<u>8,300</u>	<u>1,900</u>	<u>2,200</u>
Aset bersih lain	6,000	1,900	2,200
Pelaburan (kos)			
- 400,000 saham dalam Laut bhd.	900	0	0
- 600,000 saham dalam Gunung Bhd.	<u>1,400</u>	<u>0</u>	<u>0</u>
	<u>8,300</u>	<u>1,900</u>	<u>2,200</u>

Penyata Pendapatan untuk tahun berakhir 30 Jun 2000

	Matahari Bhd. RM'000	Laut Bhd. RM'000	Gunung Bhd. RM'000
Keuntungan sebelum percukaian	1,400	1,200	1,300
(-) Percukaian	<u>(600)</u>	<u>(500)</u>	<u>(500)</u>
Keuntungan selepas percukaian	800	700	800
Keuntungan tertahan pada 1 Julai 1999	<u>2,500</u>	<u>800</u>	<u>800</u>
Keuntungan tertahan pada 30 Jun 2000	<u>3,300</u>	<u>1,500</u>	<u>1,600</u>

Matahari Bhd. memperolehi pelaburan dalam Laut Bhd. dan Gunung Bhd. pada 1 Januari 1990 apabila keuntungan tertahan mereka adalah RM100,000 dan RM300,000 masing-masing. Adalah menjadi polisi Matahari Bhd. untuk melunaskan muhibbah yang dibeli pada kadar 10% garis lurus, sepenuhnya dalam tahun perolehan dan tiada pelunasan di dalam tahun pelupusan.

...3/-

Matahari Bhd. melupuskan semua kepentingan dalam Gunung Bhd. pada 31 Disember 1999 dengan wang tunai RM3,000,000. Tunai yang diterima telah direkod dalam akaun tunai dan dikreditkan ke dalam akaun tergantung (jualan saham). Andaikan bahawa keuntungan syarikat diperolehi secara purata sepanjang tahun kewangan.

**Dikehendaki:**

Dengan mengikut piawaian perakaunan MASB 11,

- (a) Sediakan Panyata Pendapatan Disatukan untuk Matahari Bhd. bagi tahun berakhir 30 Jun 2000.

[ 10 markah ]

- (b) Sediakan Kunci Kira-kira Disatukan untuk Matahari Bhd. pada 30 Jun 2000, dan

[ 10 markah ]

- (c) Sekiranya polisi kumpulan adalah untuk menjadikan muhibbah sebagai butiran kekal, kirakan keuntungan syarikat dan kumpulan daripada pelupusan saham dalam Gunung Bhd.

[ 5 markah ]

**Soalan 2 (25 markah)**

Pada 1 Januari 1995, Padi Bhd. memperolehi 90% kepentingan dalam modal saham Sawit Bhd. apabila keuntungan tertahan Sawit Bhd. adalah RM1,000,000. Pada 1 Januari 2000, Padi Bhd. memperolehi 35% kepentingan dalam modal saham Arang Bhd. dengan harga RM4,500,000. Adalah menjadi polisi Padi Bhd. untuk melunaskan muhibbah yang dibeli pada kadar 10% garis lurus, sepenuh dalam tahun perolehan dan kosong dalam tahun pelupusan. Semua dividen telah dibayar sebelum 31 Disember 2000. Kadar cukai adalah 28%.

Penyata Pendapatan untuk tahun berakhir 31 Disember 2000

	Padi Bhd. RM'000	Sawit Bhd. RM'000	Arang Bhd. RM'000
Jualan	19,750	17,833	9,889
Perbelanjaan	(13,000)	(12,000)	(6,000)
Keuntungan bersih	6,750	5,833	3,889
Dividen kasar yang diterima daripada Sawit Bhd.	450	0	0
Dividen kasar yang diterima daripada Arang Bhd.	389	0	0
Tolak: Percukaian	(2,125)	(1,633)	(1,089)
Keuntungan bersih selepas percukaian	5,464	4,200	2,800
Tolak: Dividen yang telah dibayar	(1,000)	(360)	(800)
Keuntungan tertahan tahun semasa	4,464	3,840	2,000
Keuntungan tertahan pada 1 Januari 2000	7,860	5,800	1,500
Keuntungan tertahan pada 31 Disember 2000	12,324	9,640	3,500

...4/-

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2000

	Padi Bhd. RM'000	Sawit Bhd. RM'000	Arang Bhd. RM'000
Modal saham RM1 setiap satu	20,000	10,000	10,000
Keuntungan tertahan	12,324	9,640	3,500
	32,324	19,640	13,500
Pelaburan dalam Sawit Bhd. (kos)	11,500	0	0
Pelaburan dalam Arang Bhd. (kos)	4,500	0	0
Aset bersih lain	16,324	19,640	13,500
	32,324	19,640	13,500

**Dikehendaki:**

Dengan mengikut piawaian perakaunan MASB 11 dan MASB 12,

- (a) Sediakan Penyata Pendapatan Disatukan untuk Padi Bhd. bagi tahun berakhir 31 Disember 2000. [ 10 markah ]
- (b) Sediakan Kunci Kira-kira Disatukan untuk Padi Bhd. pada 31 Disember 2000, dan [ 10 markah ]
- (c) Kirakan amaun angkutan untuk pelaburan dalam syarikat bersekutu pada 31 Disember 2000. [ 5 markah ]

Soalan 3 (25 markah)

Bapa Bhd membayar RM1,000,000 untuk membeli 100% modal saham dalam Anak Sdn. Bhd. pada 1 Januari 1996. Aset bersih Anak Sdn Bhd pada tarikh perolehan adalah RM1,000,000 (terdiri daripada modal saham RM500,000 dan keuntungan tertahan RM500,000).

Pada 31 Disember 2000, keuntungan tertahan Anak Sdn. Bhd. adalah RM1,500,000. Pada 31 Disember 2000, Bapa Bhd menilai semula pelaburan di subsidiari kepada nilai aset bersih ketara (“NTA”).

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2000

	Bapa Bhd. RM'000	Anak Sdn. Bhd. RM'000
Modal saham	2,000	500
Risab penilaian semula	1,000	0
Keuntungan tertahan	2,000	1,500
	5,000	2,000
Pelaburan di Anak Sdn Bhd	2,000	0
Aset bersih lain	3,000	2,000
	5,000	2,000

Pada 1 Januari 2001, Anak Sdn. Bhd. telah membayar dividen RM1,000,000 kepada syarikat induk.

**Dikehendaki:**

Dengan mengikut piawaian perakaunan MASB 11,

- (a) Terangkan bagaimana penilaian semula patut dimasukkan dalam akaun Bapa Bhd. dan tunjukkan catatan jurnal. [ 5 markah ]
- (b) Sediakan Kunci Kira-kira Disatukan untuk Bapa Bhd. pada 31 Disember 2000. [ 6 markah ]
- (c) Tunjukkan catatan jurnal dalam akaun Bapa Bhd. mengenai dividen yang diterima daripada Anak Sdn. Bhd. pada 1 Januari 2001. [ 2 markah ]
- (d) Sediakan Kunci Kira-kira Disatukan untuk Bapa Bhd. selepas pembayaran dividen pada 1 Januari 2001, dan [ 6 markah ]
- (e) Sekiranya Bapa Bhd. pada 31 Disember 2000 memberi saham bonus dengan mempermudahkan risab penilaian semula, sediakan Kunci Kira-kira Disatukan untuk Bapa Bhd. pada 31 Disember 2000. [ 6 markah ]

Soalan 4 (25 markah)

- (a) Apakah definisi untuk perkataan kawalan ("control") dalam MASB 11?  
[ 2 markah ]
- (b) Apakah definisi untuk perkataan kepentingan minoriti ("minority interest") dalam MASB 11?  
[ 3 markah ]
- (c) Utama Berhad memperolehi 100% kepentingan modal saham dalam Cahaya Berhad pada 1 Januari 2000. Cahaya Berhad pula memperolehi 100% kepentingan modal saham dalam Megah Sdn. Bhd. pada 30 Jun 2000. Tahun kewangan ketiga-tiga syarikat berakhir pada 31 Disember 2000. Terangkan keperluan untuk menyediakan penyata kewangan Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 mengikut MASB 11.  
[ 5 markah ]
- (d) Terangkan keadaan-keadaan di mana sesebuah anak syarikat tidak perlu dmasukkan ke dalam akaun Disatukan mengikut perenggan 5(4)(b), Akta Syarikat 1965; dan  
[ 5 markah ]
- (e) Terangkan dua cara perakaunan yang telah dibenarkan dalam Seksyen 67A, Akta Syarikat, 1965 untuk pembelian balik saham-saham sendiri.  
[ 10 markah ]